

BICARA PERBANKAN ISLAM

ABDUL NASIR BIN HAJI ABDUL RANI

UNISSA Press
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam
1437H/2016M

Penerbit:

UNISSA Press

Pusat Penyelidikan dan Penerbitan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu
BE1310, Gadong
Negara Brunei Darussalam
Tel: +673 2462000 ext. 332
Laman Web: www.unissa.edu.bn

© Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani

Cetakan Pertama 2016

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

ISBN 978-99917-82-08-9 (Kulit Lembut)

ISBN 978-99917-82-09-6 (Kulit Keras)

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan**

ABDUL Nasir bin Haji Abdul Rani

Bicara perbankan Islam / Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani. -- Bandar Seri Begawan :

UNISSA Press, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2016.

p. 152.4mm x 228.6mm (114 halaman)

ISBN 978-99917-82-08-9 (Kulit Lembut)

ISBN 978-99917-82-09-6 (Kulit Keras)

1. Bank and banking--Religious aspects--Islam 3. Finance--Religious aspects--Islam

I. Title

332.1088297 ABD (DDC 23)

Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar:

Syarikat Percetakan Juta Jaya

Negara Brunei Darussalam

Dicetak Oleh:

Syarikat Percetakan Asia

Negara Brunei Darussalam

KANDUNGAN

| | |
|---|--------------|
| KATA PENGANTAR | xi |
| PRAKATA | xiii |
| JADUAL | xv |
| KATA SINGKATAN | xvii |
| TRANSLITERASI | xix |
| BICARA 1: | |
| Konsep <i>Hājrah</i> dan Aplikasinya dalam Produk Perbankan Islam: Pengalaman Bank Islam Brunei Darussalam | 1-15 |
| Pendahuluan | 1 |
| Definisi <i>Hājrah</i> dan Perbezannya dengan <i>Darūrah</i> | 3 |
| Garispandu Aplikasi Konsep <i>Hājrah</i> | 5 |
| Aplikasi Konsep <i>Hājrah</i> di BIBD | 7 |
| Kesimpulan | 12 |
| Bibliografi | 14 |
| BICARA 2: | |
| Memperkasa Usaha Penghasilan Agri-Makanan dengan Mod Pembiayaan Islam | 17-37 |
| Pendahuluan | 17 |
| Peranan Institusi Kewangan Islam | 19 |
| Mod Biaya Pertanian Secara Islam | 21 |
| a) Kontrak <i>al-Muzāra'ah</i> | 22 |
| b) Kontrak <i>al-Musāqāh</i> | 23 |
| c) <i>Al-Shariyah al-Mutanaqışah</i> | 24 |
| d) <i>Al-Ijārah al-Muntahiyah bi al-Tamlīk</i> | 25 |
| e) <i>Bay' al-Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā'</i> | 28 |
| f) <i>Bay' al-Taqsīt</i> | 30 |
| g) <i>Bay' al-Salam fī al-Zirā'ah</i> | 32 |
| Kesimpulan | 35 |
| Bibliografi | 36 |

BICARA 3:

| | |
|--|--------------|
| Konsep <i>Ujrah</i> dan Aplikasinya dalam Perbankan Islam | 39-61 |
| Pendahuluan | 39 |
| Fungsi Penubuhan Institusi Perbankan Islam | 41 |
| Konsep <i>Ujrah</i> dan Aplikasinya dalam Perbankan Islam | 42 |
| a) <i>Al-Wadī'ah</i> | 43 |
| b) <i>Al-Wakālah</i> | 44 |
| c) <i>Al-Hawālah</i> | 46 |
| d) <i>Al-Istiṣnā'</i> | 47 |
| e) <i>Al-Rahnū</i> | 48 |
| f) <i>Al-Bay' bi Thaman Ājil</i> | 49 |
| g) <i>Al-Ijārah Thumma al-Bay'</i> | 50 |
| h) <i>Bay' al-Murābahah</i> | 52 |
| Isu Berbangkit daripada <i>Ujrah</i> | 53 |
| a) Hubungannya dengan Kos Sebenar | 53 |
| b) Isu Untung Jual Beli | 56 |
| Kesimpulan | 58 |
| Bibliografi | 60 |

BICARA 4:

| | |
|--|--------------|
| Sistem Perbankan Islam: Keyakinan Masyarakat dan Prospek Masa Depan | 63-75 |
| Pendahuluan | 63 |
| Keunggulan Sistem Perbankan Islam | 64 |
| Ketidakfahaman Tentang Matlamat Perbankan Islam | 67 |
| Ketidakfahaman Tentang Operasi Perbankan Islam | 68 |
| Ketidakfahaman Tentang Produk Perbankan Islam | 70 |
| Memasyarakatkan Sistem Perbankan Islam | 72 |
| Strategi Pengukuhan Sistem Perbankan Islam | 73 |
| Kesimpulan | 74 |
| Bibliografi | 75 |



KATA PENGANTAR

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الصَّادِقِ الْوَعِدِ الْأَمِينِ، وَعَلٰى
آلِهِ وَاصْحَٰبِهِ الْمَجَاهِدِينَ الطَّاهِرِينَ، وَمَنْ تَعَمِّمُ بِإِيمَانِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَبَغْدَدُ

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada penulis buku **Bicara Perbankan Islam** kerana dapat menghasilkan sebuah tulisan ilmiah Islamik yang kemas dan mudah difahami oleh semua peringkat pembaca.

Dengan terbitan buku ini setentunya menambahkan lagi koleksi terbitan ilmiah hasil tulisan pensyarah tempatan di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Apa yang paling penting ialah tulisan ini dapat menyumbang kepada pengembangan ilmu pengetahuan dan memberi manfaat serta ilmu yang berguna kepada yang ingin mendalami bidang Perbankan Islam.

Saya berdoa kepada Allāh *Subḥānahu wa Ta'ālā* semoga penulis buku ini akan mendapat pahala amal jariyah daripada usahanya dan berdoa semoga beliau akan terus menempa kejayaan yang lebih cemerlang dalam kerjayanya sebagai seorang pengkaji dan pendidik. *Āmīn Yā Rabbal Ālamīn.*

[DR HAJI NORARFAN BIN HAJI ZAINAL]

Rektor

Universiti Islam Sultan Sharif Ali



PRAKATA

الحمد لله الذي علّم بالقلم، علّم الإنسان ما لم يتعلّم، والصلة والسلام على نبي الأمم،
سيّدنا ومؤلّانا محمّد بن الأجل الأكرم، وعلى آله وصحبه ومن تبعهم بإحسان إلى اليوم
الأعظم، وبعد؛

Alhamdulillah, dipanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allāh *Subhānahu wa Ta'ālā* yang telah mengurniakan kelapangan waktu, tenaga, ilmu, idea, ketabahan, dan kesabaran untuk menyiapkan buku ini.

Bicara Perbankan Islam ini merupakan kompilasi teks pembicaraan penulis dalam beberapa siri muzakarah dan persidangan antarabangsa. Isi kandungannya telah disusun semula untuk disesuaikan dengan semua peringkat pembaca. Buku ini memuatkan beberapa topik perbahasan yang berkaitan dengan perbankan Islam iaitu konsep *Hājrah*, mod pembiayaan, konsep *Ujrah* dan prospek masa depan institusi berkenaan. Beberapa contoh mudah telah digunakan untuk meningkatkan sisi pemahaman para pembaca. Kesimpulan dibuat untuk menutup tirai setiap topik perbahasan. Sistem Transliterasi telah digunakan dalam kaedah penulisan ini bagi mengekalkan *makhraj* sebutan perkataan Bahasa Arab. Selain itu, penulis telah berusaha menggunakan beberapa rujukan asal dan rujukan kontemporari untuk memastikan buku ini mempunyai nilai akademik yang sewajarnya.

[DR ABDUL NASIR BIN HAJI ABDUL RANI]

Penulis

JADUAL

Jadual 1:

Perbezaan antara Kos Sebenar dan Belanja 54

Jadual 2:

Perbezaan Sistem antara Bank Islam dan Bank Konvensional 68

Jadual 3:

Perbezaan Konsep Imbalan antara Bank Islam dan
Bank Konvensional 69

TRANSLITERASI

1) Huruf:

| Huruf Arab | Huruf Latin |
|------------|-------------|
| ء | , |
| ب | b |
| ت | t |
| ث | th |
| ج | j |
| ح | h / H |
| خ | kh |
| د | d |
| ذ | dh |
| ر | r |
| ز | z |
| س | s |
| ش | sh |
| ص | ṣ / ṣ |
| ض | d |
| ط | t / ṭ |
| ظ | z / ḥz |
| ع | ' |
| غ | gh |
| ف | f |
| ق | q |
| ك | k |
| ل | l |
| م | m |
| ن | n |
| ه / هـ | h |
| و | w |
| ي | y |

2) Vokal pendek:

| Vokal Pendek | Huruf Latin |
|--------------|-------------|
| --- | a |
| --- | i |
| --- | u |

3) Vokal Panjang:

| Vokal Panjang | Huruf Latin |
|---------------|-------------|
| ı / ı̄ - | ă / Ą |
| ı̄ - | ı / I |
| ı̄ - | ü / Ū |

4) Diftong:

| Diftong | Huruf Latin |
|---------|-------------|
| ɔ̄ - | aw |
| ɛ̄ - | ay |
| ɛ̄ - | iyy |
| ɔ̄ - | uww |

Bicara 1

KONSEP HAJAH DAN APLIKASINYA DALAM PRODUK PERBANKAN ISLAM: PENGALAMAN BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM¹

Pendahuluan

ISLAM MERUPAKAN sebuah agama *samāwī* yang bercirikan *Samħah* (tolak ansur) dan *Yusr* (mudah). Kedua-dua ciri ini dapat diperhatikan dengan jelas menerusi dalil *naqlī* bersumberkan *al-Qur'ān al-Karīm* dan *al-Sunnah al-Muqaddasah*.

- 1) Dalil bersumberkan *al-Qur'ān*, Allāh Subḥānahu wa Ta'ālā berfirman:

﴿لَمْ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ أَيْسَرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ أَعْسَرَ﴾ - سورة البقرة (٢): ١٨٥

Tafsirnya: “Allāh mengkehendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran”² – [Surah al-Baqarah (2): 185]

¹ Dibentangkan dalam “Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-9” pada 10-11 Jun 2015, di Jakarta Indonesia.

² Semua tafsiran ayat *al-Qur'ān* di dalam buku ini dinukil daripada Sheikh Abdullah Basmeih. (1990). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. (Cet. 10). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Pada ayat lain, Allāh Subḥānahu wa Ta ‘ālā berfirman:

﴿وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ﴾ - سورة الحج (٢٢): ٧٨

Tafsirnya: “dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara ugama” – [Surah al-Haj (22): 78]

- 2) Dalil bersumberkan *al-Sunnah*, Rasūlullāh Ṣallallāhu ‘Alayhi Wasallam bersabda:

«أَحَبُّ الدِّينِ إِلَى اللَّهِ الْحُكْمِيَّةُ السَّمْكَةُ» - حديث رواه البخاري

Maksudnya: “Agama yang paling disukai oleh Allāh ialah agama yang cenderung kepada kebenaran dan tolak ansur” – [HR al-Bukhārī]

Pada Sunnah Qawliyyah yang lain, Rasūlullāh Ṣallallāhu ‘Alayhi Wasallam bersabda:

«إِنَّمَا يُعِيشُ مُسِرِّينَ وَمَنْ تَبَعَّثُوا مُعْسِرِينَ» - حديث رواه البخاري

Maksudnya: “Sesungguhnya kamu dibangkitkan dengan kesenangan dan tidak dibangkitkan dengan kesusahan” – [HR al-Bukhārī]

Antara bukti tentang tolak ansur dan kemudahan dalam Islam ini dapat dilihat menerusi penshari’atan konsep *Hājah* iaitu dengan memberikan *rukhsah* (keringanan) dalam melaksanakan suatu perkara yang menyulitkan urusan kehidupan manusia demi mempertahankan kelangsungan hidup dan menjalankan fungsinya sebagai hamba dan *Khalifatullāh*.

Umumnya, konsep ini memberi gambaran tentang keperihatinan Islam terhadap umatnya dalam memberi kemudahan kepada setiap individu untuk mencapai dan memenuhi keperluan hidup masing-masing demi memastikan survival ummah dapat dilestarikan di muka bumi ini. Dengan adanya konsep ini, pelbagai bentuk kesukaran, kepayahan, kekurangan, dan ketidakselesaan yang diharungi dapat diatasi dengan sebaiknya.

Sungguh pun demikian, konsep *Hājah* ini tetap perlu kepada penjelasan dan pemahaman yang teliti supaya aplikasinya benar-benar